



STATISTIK TENAGA BURUH 2024



Kadar pengangguran menurun **0.2 mata peratus** kepada **3.2** peratus dengan **534.1** ribu penganggur

TENAGA BURUH

Tenaga buruh Malaysia pada 2024 meningkat sebanyak **3.3 peratus** mencatatkan **16.90** juta orang

16.90 juta
2023 : 16.37 juta

Tenaga buruh, 1982 - 2024



10.58 juta
2023 : 10.19 juta

6.32 juta
2023 : 6.18 juta

KADAR PENYERTAAN
TENAGA BURUH

70.6% ▲ 0.6mp
2023 : 70.0%

KADAR PENGANGGURAN

3.2% ▼ 0.2mp
2023 : 3.4%

0.2mp

Pengangguran, 1982 - 2024



PENGANGGUR

534.1 ribu
2023 : 553.4 ribu

▼ 3.5%



PENDUDUK BEKERJA

16.37 juta ▲ 3.5%
2023 : 15.81 juta

LUAR TENAGA BURUH


7.02 juta ▲ 0.4%
2023 : 7.00 juta

(%) Peratus sumbangan
(tahun ke tahun)

(mp) Mata peratus

(r) Semakan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020

Penduduk bekerja dan kadar pengangguran, 2012-2024



Pasaran buruh Malaysia terus pulih pada 2024 dan dijangka kekal stabil sepanjang 2025, seiring dengan pertumbuhan ekonomi yang mampan

- Pada 2024, jumlah **tenaga buruh** meningkat sebanyak **3.3 peratus** kepada **16.90 juta orang** berbanding 16.37 juta orang pada tahun sebelumnya. **Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)** turut meningkat kepada paras tertinggi baharu iaitu **70.6 peratus** berbanding 70.0 peratus pada tahun 2023.
- Bilangan **penganggur** turun sebanyak **3.5 peratus** kepada **534.1 ribu orang**.
- **Kadar pengangguran** menurun kepada **3.2 peratus** pada 2024, di bawah paras prapandemik 3.3 peratus yang direkodkan pada tahun 2019.
- Bilangan **penduduk bekerja** terus mencatatkan pertumbuhan tahunan yang positif, meningkat sebanyak **3.5 peratus** kepada **16.37 juta orang** berbanding 15.81 juta orang pada tahun sebelumnya.
- Dari sudut sektoral, guna tenaga kekal didominasi oleh sektor **Perkhidmatan** yang terus mencatatkan trend peningkatan, merangkumi **65.6 peratus** daripada jumlah guna tenaga. Ini diikuti oleh sektor **Pembuatan** sebanyak **16.3 peratus** dan sektor **Pertanian** sebanyak **9.0 peratus**. Selain itu, sektor **Pembinaan** mencatatkan **8.5 peratus** daripada jumlah guna tenaga, manakala sektor **Perlombongan & pengkuarian** merekodkan sumbangan terkecil iaitu **0.5 peratus**.
- Bilangan penduduk **luar tenaga buruh** mencatatkan sedikit peningkatan kepada **7.02 juta orang**, yang majoriti kekal tidak aktif disebabkan oleh **kerja rumah/tanggungjawab keluarga** dengan sumbangan sebanyak **43.1 peratus**, diikuti oleh kategori **bersekolah/latihan** yang meliputi **41.3 peratus**.

